

Pegawai Imigresen ditahan kes seludup migran

Suspek berusia 50 tahun ditahan di tempat kerjanya tengah hari kelmarin

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

JOHOR BAHRU

Seorang Penolong Pengarah Imigresen ditahan dua hari lalu kerana disyaki bersekongkol dengan penyeludup migran.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, suspek berusia 50 tahun itu ditahan di tempat kerjanya dan penangkapan itu merupakan jawatan paling tinggi setakat ini melibatkan pegawai penguat kuasa.

"Modus operandi yang digunakan sindiket ini ialah dengan menyediakan cap Imigresen Malaysia yang dipercaiyai palsu bagi menguruskan penyeludupan warga Indonesia yang tamat tempoh pas lawatan sosial sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Kegiatan ini dipercayai ada kaitan dengan pengisytiharan pihak imigresen sebelum ini yang memberi kelonggaran kepada warga Indonesia keluar



Ayob Khan mengadakan sidang akbar mengumumkan penangkapan seorang Penolong Pengarah Imigresen kerana bersekongkol dengan aktiviti penyeludupan migran di IPK Johor, Johor Bahru semalam.

(pulang ke negara asal), mereka (pihak bersekongkol) ambil kesempatan (dengan pengisytiharan itu)," katanya pada sidang akbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini semalam.

Pada 4 Jun lalu, polis menahan 40 suspek utama yang menjadi dalang penyeludupan migran di pantai timur Johor melibatkan ejen mengurus keluar masuk migran, menguruskan pengangkutan, tekong darat, tekong laut dan penjaga rumah penampungan.

Susulan itu, seramai 23 pegawai dan anggota polis, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Imigresen dan Pasukan Polis Marin Wilayah Dua ditahan bermula 13 hingga 18 Jun, 23 dan 25 Jun.

Kelmarin, seramai 51 anggota Geng

Otong dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kota Tinggi atas pertuduhan menganggotai kumpulan jenayah terancang yang mendalangi sindiket penyeludupan migran antara 2015 hingga tahun ini.

Ayob Khan berkata, pecahan dari pada 23 pegawai dan anggota polis itu terdiri daripada 14 anggota termasuk seorang berpangkat Asisten Superintendant; lima anggota ATM termasuk dua pegawai dan empat anggota imigresen.

Katanya, 19 daripadanya akan dituduh pada minggu depan dan pihaknya menafikan dakwaan mengatakan polis menganiaya mereka dengan tangkapan itu yang kononnya sengaja dilakukan.